

 Mahkamah Tinggi Ipoh  
 4 Februari, 2020  
 Bahagian Rayuan Khas,  
Jabatan Undang-Undang

## HAKIM

YA Dato' Hashim Hamzah

## PEGUAM HASIL

Mohd Harris Hanapi  
Nordiana Sham

# MAHKAMAH TINGGI SAHKAN PENGENAAN DUTI BERDASARKAN KADAR DUTI SETEM PADA TARIKH ADJUDIKASI DILAKSANAKAN

- 1 . IPSDN BHD v PEMUNGUT DUTI SETEM
- 2 . CCL & 4 YANG LAIN v PEMUNGUT DUTI SETEM

## FAKTA RINGKAS

Mahkamah Tinggi Ipoh menolak rayuan pembayar duti (perayu) yang merayu terhadap pengenaan duti setem ke atas suratcara pindah milik hartanah (Borang 14A) yang dikenakan duti pada kadar baharu yang berkuatkuasa mulai 01.01.2019. Perayu dalam kedua-dua kes ini telah mengemukakan permohonan adjudikasi terhadap Borang 14A pada 11.02.2019 iaitu selepas kadar baharu bagi Butiran 32, Jadual 1 Akta Setem 1949 mula berkuatkuasa. Tidak berpuas hati

dengan pengenaan duti pada kadar baharu tersebut, perayu telah mengemukakan notis bantahan kepada Pemungut Duti Setem seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 38A Akta Setem 1949. Pemungut Duti Setem setelah mempertimbangkan bantahan perayu tersebut telah memutuskan bantahan perayu ditolak dan duti setem yang dikenakan ke atas perayu dikekalkan. Tidak berpuas hati dengan keputusan Pemungut Duti Setem tersebut, perayu memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi Ipoh di bawah Seksyen 39 Akta Setem 1949.

## BANTAHAN AWAL

Peguam Kanan Hasil yang mewakili Pemungut Duti Setem semasa perbicaraan, telah membangkitkan bantahan awal terhadap pengemukakan Notis Bantahan melewati tempoh 30 hari yang bertentangan dengan kehendak Seksyen 38(2) Akta Setem 1949. Walau bagaimanapun, mahkamah telah menolak bantahan awal tersebut atas alasan tindakan Pemungut Duti Setem yang menerima dan melayani Notis Bantahan tersebut telah seolah-olah telah memberikan lanjutan masa kepada perayu untuk mengemukakan bantahan di bawah seksyen 38A Akta Setem 1949. Asas keputusan Pemungut Duti Setem dalam menolak bantahan perayu juga dibuat secara merit dan bukan atas alasan kelewatan perayu mengemukakan notis bantahan.

## **MERIT RAYUAN**

Perayu semasa perbicaraan telah berhujah bahawa Borang 14A perayu tidak sepatutnya dikenakan pada kadar baharu atas alasan-alasan berikut:

1. Berdasarkan kepada seksyen 36 Akta Setem 1949 yang menggunakan perkataan "*any person*" yang membawa maksud seorang (singular), maka tarikh penyempurnaan (*execution date*) Borang 14A adalah memadai dengan tarikh Borang 14A tersebut ditandatangani oleh satu pihak iaitu Pemberi Pindah Milik. Pemberi Pindah Milik dalam kedua-dua kes telah menandatangani Borang 14A pada 26.12.2018 dan 28.12.2018 iaitu sebelum kadar baharu duti setem bagi suratcara pindahmilik hartanah berkuatkuasa.
2. Merupakan amalan biasa Pemungut Duti Setem yang membuat taksiran duti ke atas instrumen yang ditandatangani oleh satu pihak sahaja. Perayu telah mengemukakan Perjanjian Lesen yang telah disetemkan walaupun hanya ditandatangani oleh satu pihak sebagai menyokong hujahan tersebut.
3. Tiada peruntukan undang-undang yang menyatakan tarikh yang sepatutnya menjadi tarikh penyempurnaan sesuatu instrument. Oleh kerana peruntukan yang samar dan tidak jelas, tafsiran yang menyebelahi perayu adalah terpakai.
4. Oleh yang demikian, tarikh penyempurnaan Borang 14A sepatutnya adalah pada 2018 iaitu tarikh Borang 14A ditandatangani oleh Pemberi Pindah Milik dan duti yang dikenakan sepatutnya adalah duti yang terpakai pada tarikh penyempurnaan Borang 14A dan bukan pada kadar baharu yang hanya berkuatkuasa pada 01.01.2019.

Peguam Kanan Hasil telah mengemukakan hujahan berikut dalam mempertahankan taksiran duti setem yang dikenakan:

1. Kadar duti yang baharu adalah terpakai kerana :
  - i. Permohonan adjudikasi telah dikemukakan oleh Pemohon pada 11.02.2019;

- ii. Borang 14A telah dilaksanakan dan disempurnakan pada tarikh tandatangan diturunkan oleh Penerima Pindah Milik iaitu 29.01.2019 (Iconic) dan 23.01.2019 (Cheang Cheng Loon & 4 Yang Lain);
  - iii. Tarikh Perjanjian Jual Beli tidak boleh menjadi asas dalam menentukan Butiran 32(a) mana yang terpakai.
2. Menjadi tanggungjawab statutori Responden untuk melaksanakan adjudikasi duti setem ke atas Borang 14A tersebut di bawah Subseksyen 36(1) Akta dan kadar duti yang perlu dikenakan menurut Seksyen 2 Akta adalah kadar duti setem yang berkuatkuasa pada masa adjudikasi tersebut dilaksanakan.
  3. Fakta dalam kes ini, Borang 14A yang dikemukakan oleh Pemohon untuk proses adjudikasi adalah Borang 14A yang mengandungi dua tandatangan dan juga dua tarikh. Oleh itu, Responden perlu mengambilkira kedua-dua tandatangan dan tarikh yang tertera tersebut tanpa boleh mengabaikan salah satu tandatangan tersebut.
  4. Berdasarkan terjemahan Subseksyen 36(1) dan Seksyen 41 Akta, jelas menunjukkan maksud perkataan '*any person*' adalah bermaksud 'mana-mana orang' yang bersifat umum dan bukan membawa maksud seorang sahaja.
  5. Perjanjian Lesen adalah berbeza dengan Borang 14A kerana Jadual Ketiga Akta menunjukkan, bagi Instrumen yang berbentuk '*conveyance*' seperti Borang 14A, liabiliti pembayaran duti setem adalah terletak kepada Penerima Pindah Milik. Manakala Perjanjian, di bawah Item 4 Jadual 3 Akta Setem meletakkan tanggungjawab membayar duti setem kepada pihak pertama yang menandatangani perjanjian tersebut. Oleh itu, Perjanjian Lesen tidak boleh dijadikan contoh dalam kes ini dan adalah tidak relevan.
-

## KEPUTUSAN

Mahkamah setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak telah memutuskan borang 14A yang lengkap mengandungi kedua-dua tandatangan Pemberi Pindah Milik dan Penerima Pindah Milik perlu dikemukakan untuk adjudikasi dan kadar duti yang sepatutnya dikenakan adalah kadar yang berkuatkuasa pada masa adjudikasi tersebut dilaksanakan selaras dengan Seksyen 2 Akta Setem 1949. Mahkamah seterusnya mengesahkan kadar duti yang dikenakan oleh Pemungut Duti Setem dan menolak rayuan pihak Perayu.